

# Surat Muktamar al-Islami Kepada U-Thant

Dari ibu pejabat "Kongres Islam Sedunia" yang berpusat di kota Karachi – Pakistan – kita

telah menerima salinan sepuak kawat dalam bahasa Inggeris, yang telah dikirim oleh pejabat "Kongres Islam" itu kepada tuan U-Thant – Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu – di New York, sebagai membangkang perbuatan orang-orang Yahudi yang telah menguasai kota suci Islam "Baitul Maqdis" membongkar dan menggali tanah-tanah yang berada di sekeliling bangunan Masjid al-Sakhrah dan Masjid al-Aqsa dengan alasan untuk mencari barang-barang lama bersejarah yang ada tertanam di kawasan tempat itu. Inilah kandungan kawat itu kita siarkan dalam bahasa kebangsaan, semoga mendapat perhatian dari seluruh kaum Muslimin. – Pengarang.

Tuan Yang Terutama U-Thant,  
Setiausaha Agung,  
Bangsa-bangsa Bersatu,  
New York.  
U.S.A.

Perkara:

## Perompakan di tempat-tempat suci di Jerusalem

Tuan Yang Terutama:

Saya suka mengambil perhatian tuan mengenai satu perbuatan khianat, ialah perompakan harta-harta suci Islam di Jerusalem di bawah topeng kerja-kerja pemindahan arkeologi. Perbuatan-perbuatan ini jika ia tidak diberhentikan dengan segera, maka ia menimbulkan satu akibat yang amat buruk. Situasi yang ada sekarang ini sudah pun buruk; ini jika diteruskan ia hanya merupakan menuang minyak kepada api yang sedia marak menyala itu.

1. Berita yang memeranjatkan ini boleh didapati di muka surat 5, 8, dan 9, akhbar "Jerusalem Post" keluaran 10 haribulan Jun 1968.

2. Seperti mana yang tuan ketahui – sebagaimana yang dilaporkan oleh diplomat peribadi, Tuan Thelman, bahawa setelah Israel menduduki Jerusalem Lama, mereka telah merobohkan 135 buah rumah wakaf Islam yang berhampiran dengan pintu Maghribi yang bersambung dengan Haram Sharif, tempat suci Islam termasuk Masjid al-Sakhrah dan Masjid al-Aqsa, "Selain daripada kerosakan peperangan, sejenis kerosakan cara baru telah ditambah", demikianlah dilaporkan oleh diplomat peribadi tuan Thelman itu (penggal 20, laporan Thelman)

3. Dua kenyataan telah diperbuat oleh satu badan Suruhanjaya yang disusun (pada tahun 1930) oleh United Kingdom dengan kebenaran "Lembaga Perikatan Sedunia" (League of Nation).

Pertama: Orang Islam adalah berhak menguasai harta-harta ditembak *Wailing*.

Kedua: Di masa pemerintahan Islam, di Jerusalem, orang-orang Yahudi diberi kebenaran oleh pihak

Islam untuk mereka mengerjakan ibadat mereka dengan bebas.

4. Perompakan bangunan-bangunan di hadapan tembok *Wailing* pada bulan Jun, 1967 itu adalah bertentangan dengan perjanjian Geneva yang dibuat pada 12 Ogos, 1949 fasal 53, yang menyatakan bahawa adalah diharamkan sebarang kerosakan ke atas harta benda orang perseorangan, atau negara atau hak awan atau organisasi-organisasi.

5. Walau pun satu ketetapan telah diambil oleh "Majlis Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu", yang menyeru Israel supaya memberhentikan kerja-kerja mereka yang khianat itu disekitar Jerusalem, tetapi ia tetap meneruskan kerja-kerjanya itu. Kita telah yakin mereka akan menurut keputusan "Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu". Yang dikeluarkan pada bulan Mei, 1968, tetapi kecewa.

6. Mengikut laporan dan gambar-gambar yang tersiar di surat khabar "Jerusalem Post", yang tersiar itu, mereka telah merombak "Batu Menangis" (Tembok *Wailling*) itu dan

### **Surat Dari Muktamar . . .**

di kawasan-kawasan yang di sebaliknya, dengan berdalih membuat kerja-kerja pembongkaran sejarah-sejarah lama, yaitu dalam usaha mereka mengorek kembali gereja lama mereka yang telah dimusnahkan oleh Maharaja Rom, (Titus) dalam abad 70 (A.D,) apabila dikaji dengan cermat maka didapati daripada laporan tersebut yang mereka telah mengorek lubang-lubang di bawah Masjid al-Aqsa dan Masjid al-Sakhrah, kedua-duanya adalah rumah suci tempat ibadat umat Islam di seantero dunia.

Pihak Israel telah menghebohkan mengenai duit-duit syiling yang mereka jumpai di sana selepas kerja selama 100 hari. Sebanyak 120 orang bekerja dengan beberapa orang kaki tangan profesional dan 10,000 kubik meter tanah telah dipindahkan, tanah dikorek dan ditaruh ke dalam

bakul, kemudian diedarkan dari satu tangan ke satu tangan hingga naik ke atas dan di longkok.”

Mereka memperkatakan yang mereka telah bertemu dengan sebuah “lubang”. Kita mempersoalkan adakah segala yang mereka dapat itu dikorek dari bawah tempat-tempat ibadat kita? Apa yang sebenarnya berlaku ialah mereka telah melakukan segala pekerjaan itu di bawah tempat-tempat suci Islam tanpa sebarang moral dan adab menghormati tempat-tempat suci Islam itu.

7. Perbuatan mengorek bawah tanah oleh orang-orang Yahudi di tempat-tempat suci Islam bukanlah suatu perkara baharu di dalam sejarah Islam. Ada satu rekod dalam kes dua orang Yahudi, menyamar diri sebagai orang-orang Islam, yaitu kakitangan satu “pertubuhan rahsia Yahudi”, telah mengorek satu lubang di bawah tanah hingga menerusi makam Nabi Muhammad

di Madinah. Tetapi perbuatan mereka itu dapat dicegah sebelum terlambat. Jika orang Yahudi ingin mengulangi sejarah lama, maka orang-orang Islam pun terpaksa berbuat demikian.

8. Maka telah tidak menjadi sebarang rahsia lagi mengenai apa yang yang<sup>1</sup> difikirkan oleh pemimpin-pemimpin Yahudi dalam rancangan mereka untuk merubah apa yang ada di “Baitul Maqdis”. Rancangan-rancangan itu termasuklah membangun semula “Haikal Sulaiman” di dalam tapak Masjid al-Aqsa. Pemimpin-pemimpin Israel pernah berkata bahawa sesuatu keruntuhan itu bukannya selalu berlaku kerana gempa bumi.

Dengan pertimbangan kami yang amat teliti.

Saya yang ikhlas  
**An'amullah Khan**  
Setiausaha Agung  
Kongres Islam Sedunia.



Orang-orang Yahudi sedang menjalankan kerja menggali lubang di sekeliling Masjid al-Aqsa dengan alasan untuk mencari kesan-kesan purbakala yang ada tertanam di kawasan itu.

<sup>1</sup> Pengulangan perkataan yang.